

14/03/2001

Mesyuarat Pas tumpu isu pertemuan dengan Umno

PETALING JAYA, Selasa - Mesyuarat jawatankuasa pusat Pas Ahad ini, akan meneliti saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membincangkan isu kepentingan Melayu dalam pertemuan Umno-Pas.

Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Md Isa, berkata pihaknya akan meneliti saranan Perdana Menteri bagi membincangkan perkara seperti hak dan keistimewaan orang Melayu, kedudukan agama Islam, Bahasa Kebangsaan dan status Raja-Raja Melayu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Katanya, beliau sudah memberi taklimat mengenai perkara itu kepada Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor yang baru kembali menunaikan fardhu haji di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pagi ini.

"Saya tak boleh kata, kita (Pas) akan terima saranan itu. Perkara ini kena bawa balik untuk dibincangkan terlebih dahulu di mesyuarat jawatankuasa pusat parti di sini Ahad ini," katanya di luar pekarangan unit kecemasan Hospital Universiti di sini, hari ini.

Beliau bersama pemimpin barisan pembangkang, iaitu Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan timbalannya, Dr Chandra Muzaffar; Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM), Dr Syed Husin Ali dan Setiausaha Agung DAP, Kerk Kim Hock, melawat mangsa pergaduhan di Taman Medan di Jalan Klang Lama yang sedang dirawat di hospital itu.

Mengenai pertemuan ketiga jawatankuasa teknikal Umno dan Pas, Nasharuddin berkata setakat ini kedua-dua pihak belum menetapkan tarikh.

Katanya, beliau yang sedang menunggu Fadzil secara kebetulan terserempak dengan Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob yang sedang menunggu Sultan Pahang di KLIA pagi ini.

"Kami cuma bertegur sapa dan tidak langsung menyentuh (berbincang) mengenai tarikh bagi pertemuan jawatankuasa teknikal (bagi kali ketiga) itu," katanya.

Beliau berkata, pihaknya juga belum pasti apakah agenda yang akan dibincangkan pada peringkat jawatankuasa teknikal itu nanti.

Bagaimanapun, katanya, soal sama ada Pas mahu mempercepatkan pertemuan di antara pemimpin kedua-dua parti, tidak timbul setakat ini kerana Pas juga mahu Umno memenuhi beberapa syarat yang dikenakan parti itu sebelum ini.

Pertemuan perpaduan Melayu di antara pemimpin Umno dan Pas sepatutnya diadakan 19 Februari lalu tetapi ditangguhkan dengan Pas mengemukakan tiga syarat, iaitu pemberian balik royalti minyak kepada kerajaan Pas Terengganu, membenarkan penerbitan Harakah dua kali seminggu dan mahu kerajaan menolak cadangan Umno supaya melarang penggunaan perkataan Islam pada parti politik.

Bagaimanapun, mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno 23 Februari lalu menyatakan kesediaannya untuk berbincang mengenai apa saja dengan Pas asalkan parti pembangkang itu tidak meletakkan sebarang syarat dan ia juga tidak dapat memenuhi syarat Pas.

Nasharuddin juga menafikan bahawa pihaknya meletakkan syarat baru untuk dibincangkan dalam pertemuan itu nanti.

Katanya, soal perbincangan berkaitan Perlembagaan Persekutuan adalah luas dan perbincangan juga perlu merangkumi soal kebebasan berkumpul secara aman mengikut Fasal 10 Perlembagaan itu, dan ia bukan syarat baru.

(END)

